



UUM ONLINE: UUM menghantar tiga mahasiswa ke Universiti of Colima, Mexico bagi program pertukaran pelajar ke luar negara, dalam usaha memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dan pembelajaran yang berbeza.

Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak dalam ucapan tahniah kepada ketiga-tiga pelajar ini turut mengingatkan bahawa mereka perlu menggunakan peluang ini dengan baik kerana mereka merupakan golongan pelajar yang bertuah.

"Carilah pengalaman baru, pengetahuan baru, kawan-kawan baru dan jadilah diri sendiri walau di mana kita berada," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa program pertukaran selama lima bulan ini bakal memberi tanggungjawab yang lebih besar kepada ketiga-tiga pelajar ini kerana mereka juga turut dipertanggungjawab untuk mempromosi Malaysia dan sekaligus mempromosi UUM.

Mohd Naim Mazlan, pelajar Sarjana Muda Hospitaliti berkata, ini merupakan peluang bagi dirinya untuk menonjolkan imej yang baik kepada masyarakat global di samping mewujudkan persefahaman dari aspek sosial dan budaya antara negara.

"Selain menimba ilmu di sana nanti, saya juga perlu menonjolkan budaya Malaysia yang pastinya akan membuat mereka mengenali lebih dekat budaya negara kita. Sememangnya mereka boleh mencari maklumat melalui video di internet, akan tetapi dengan melihat dan melaluinya sendiri, saya yakin mereka akan lebih menyukainya".

Naim juga turut mengakui bahawa bandar Colima adalah sebuah bandar pelancongan dan hal ini membuatkan dirinya teruja untuk mengadaptasi pengurusan pelancongan di sana untuk memantapkan lagi kursus pengajiannya.

Selain Naim, dua pelajar lain yang terlibat dalam pertukaran pelajar ini adalah Wan Nurul Syafawati Wan Ahmad dan Mass Idayu Ahmad, masing-masing merupakan pelajar semester empat Sarjana Muda Pemasaran.

Kesemua pelajar ini berharap tempoh lima bulan di Mexico itu akan memantapkan mereka sekali gus membentuk keyakinan diri dan komunikasi berkesan yang menjadi nilai tambah kepada pelajar itu sendiri.

Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) merupakan pusat yang bertanggungjawab untuk urusan pengantarabangsaan universiti dan terlibat secara langsung berkaitan urusan Program Pertukaran Pelajar sama ada dari UUM atau ke UUM (*inbound/outbound*).

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my